

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 ( 14 )

28 Jun 2016  
23 Ramadan 1437

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2016

### **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI STAF/PELAJAR UTM SELARAS DENGAN PEMATUHAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.10/2016 pada 18 Mei 2016 telah meluluskan cadangan pengaplikasian Notis Perlindungan Data Peribadi selaras dengan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (Akta 709) di Universiti Teknologi Malaysia. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pendaftar UTM adalah rujukan kepada pengaplikasian Notis ini untuk semua warga UTM.

2. UTM komited dalam memenuhi tanggungjawab dan memelihara perlindungan data peribadi ke atas staf/pelajar di mana data peribadi staf/pelajar hanya boleh digunakan bagi tujuan-tujuan yang tidak terhad seperti berikut:-

- i. Untuk penilaian mana-mana permohonan ke UTM.
- ii. Untuk memproses apa-apa faedah dan perkhidmatan.
- iii. Untuk tujuan komunikasi.
- iv. Untuk pengiklanan dan berita.
- v. Untuk tujuan pentadbiran am dan rekod.
- vi. Untuk meningkatkan mutu pendidikan.
- vii. Untuk tujuan pendidikan dan tujuan yang berkaitan dengan UTM.
- viii. Untuk memberi sebarang maklum balas, menjawab aduan dan pertanyaan.
- ix. Untuk tujuan tadbir urus korporat.
- x. Untuk dipertimbangkan sebagai penjamin bagi staf/pelajar UTM yang memohon pinjaman pelajaran/ biasiswa.

3. Oleh yang demikian, Notis Perlindungan Data Peribadi ini amat perlu untuk dipatuhi di Universiti bagi memberi penjelasan kepada pemilik data bahawa, pemberian data-data peribadi mereka, untuk tujuan, tidak terhad kepada perkara di atas, adalah dilindungi berdasarkan undang-undang berkuat kuasa sedia ada, oleh pihak Universiti.


4. Atas dasar itu, Pejabat Pendaftar mengambil inisiatif mengeluarkan Notis Perlindungan Data Peribadi untuk diguna pakai di dalam UTM sebagai suatu garis panduan kepada staf pentadbiran yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tugas seharian bagi pengendalian data-data Universiti, staf, pelajar dan orang awam yang berurusan dengan UTM. Dilampirkan adalah rujukan penuh Notis Perlindungan Data Peribadi Staf/Pelajar UTM.

5. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil tindakan mengenai pengaplikasian Notis Perlindungan Data Peribadi selaras dengan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (Akta 709) di Universiti Teknologi Malaysia. Rujukan boleh dibuat kepada Pejabat Pendaftar UTM bagi sebarang kemusykilan yang timbul.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Bendahari
  - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
  - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

## **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI STAF / PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Universiti Teknologi Malaysia komited melindungi maklumat peribadi dan privasi Staf/ Pelajar. Notis Perlindungan Data Peribadi ini menjelaskan cara UTM mengumpul maklumat dan mengendalikan maklumat peribadi Staf/ Pelajar mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

### **Apa itu Data Peribadi**

Data peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat yang secara langsung atau tidak langsung boleh mengenal pasti seseorang termasuk data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat. Antara lain ia termasuk: -

- i. Nama Penuh Staf/ Pelajar
- ii. Nombor Kad Pengenalan
- iii. Tempat Lahir
- iv. Alamat
- v. Keputusan Peperiksaan
- vi. Sejarah Pendidikan
- vii. Sejarah Pekerjaan
- viii. Sejarah Perubatan
- ix. Jenis Darah
- x. Bangsa
- xi. Agama
- xii. Gambar

### **Sumber bagi Data Peribadi**

Dalam memberikan perkhidmatan yang berkaitan, UTM boleh mendapatkan data peribadi daripada pelbagai sumber, antaranya seperti:

- i. Diri Staf/ Pelajar
  - a. Dari permohonan yang dikemukakan kepada UTM. Dengan mengemukakan apa-apa permohonan kepada UTM, Staf/ Pelajar adalah dengan ini dianggap telah memberi kebenaran untuk pengisytiharan maklumat di dalam permohonan Staf/ Pelajar.
  - b. Imej dan suara Staf/ Pelajar mungkin akan dirakamkan contohnya melalui CCTV untuk tujuan keselamatan dan/atau perekodan.
- ii. Pelawat
  - a. Rakan kerjasama UTM dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan perundingan atau apa-apa program yang disertai.
  - b. Penyertaan Staf/ Pelajar dengan pihak luar atau entiti lain.
  - c. Penjaga, wakil sah atau penjamin Staf/ Pelajar.
  - d. Kemungkinan terdapat rujukan keatas data peribadi Staf/ Pelajar bagi permohonan pinjaman atau rujukan kredit.
  - e. Institusi pendidikan atau majikan terdahulu.
  - f. Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan.
- iii. Laman web
  - a. Alamat IP Staf/ Pelajar secara automatik akan didaftar masuk ke komputer pelayan UTM. Secara umumnya UTM tidak menghubungkan alamat IP Staf/ Pelajar untuk mengenal pasti setiap pautan kecuali di dalam kes pelanggaran yang serius.
  - b. Staf/ Pelajar boleh mengubah pelayar Staf/ Pelajar untuk tidak mengaktifkan "cookies" bagi menghalang penyimpanan maklumat tertentu di dalam sistem Staf/ Pelajar.

### **Tujuan Data Peribadi**

Dalam memenuhi tanggungjawab UTM dan perlindungan ke atas Staf/ Pelajar, data peribadi Staf/ Pelajar boleh digunakan bagi tujuan-tujuan yang tidak terhad seperti berikut:-

- i. Untuk penilaian mana-mana permohonan ke UTM.
- ii. Untuk memproses apa-apa faedah dan perkhidmatan.
- iii. Untuk tujuan komunikasi.
- iv. Untuk pengiklanan dan berita.
- v. Untuk tujuan pentadbiran am dan rekod.
- vi. Untuk meningkatkan mutu pendidikan.
- vii. Untuk tujuan pendidikan dan tujuan yang berkaitan dengan UTM.
- viii. Untuk memberi sebarang maklum balas, menjawab aduan dan pertanyaan.
- ix. Untuk tujuan tadbir urus korporat.
- x. Untuk dipertimbangkan sebagai penjamin bagi Staf/ Pelajar UTM yang memohon pinjaman pelajaran/ biasiswa.

### **Penyampaian Data Peribadi**

- i. UTM adalah di bawah obligasi undang-undang untuk menjamin dan melindungi maklumat peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi sebelum dan selepas Akta Pelindungan Data Peribadi 2010 dan ia adalah dasar sedia ada dan dasar berterusan UTM untuk berbuat demikian.
- ii. Untuk memberikan perkhidmatan yang efektif secara berterusan, penyampaian maklumat tertentu perlu dilaksanakan. Maklumat peribadi Staf/ Pelajar mungkin dipindahkan dan/atau disampaikan kepada pihak-pihak yang bekerjasama dengan UTM tetapi tidak terhad kepada ejen luar yang dilantik bagi tujuan memenuhi tanggungjawab UTM kepada Staf/ Pelajar berkenaan dengan tujuan-tujuan di atas dan tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan di atas dan termasuk menyediakan perkhidmatan bersepadu, mengekalkan dan menyimpan rekod.
- iii. Dalam menjaga kebajikan dan menyediakan perkhidmatan, adalah sangat penting untuk menghantar atau berkongsi maklumat peribadi kepada pelawat, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
  - a. Syarikat insuran untuk memproses tuntutan insuran;
  - b. Institusi kewangan bagi pembayaran ganjaran kewangan seperti biasiswa, pinjaman, emolumen, elaun dan gaji;
  - c. Mana-mana syarikat atau rakan kerjasama UTM untuk sebarang tawaran pinjaman/ biasiswa atau penganugerahan dan/ atau untuk sebarang aktiviti berasaskan pembelajaran;
  - d. Pelawat yang diberi kuasa;
  - e. Penjaga Staf/ Pelajar atau wakil sah atau penjamin;
  - f. Agensi penarafan kredit untuk rujukan kredit bagi permohonan pinjaman;
  - g. Penguatkuasaan agensi kawal selia dan agensi kerajaan atau mana-mana perintah mahkamah untuk memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa.
- iv. Data Staf/ Pelajar boleh dikongsi apabila diperlukan oleh undang-undang dan apabila penyampaian adalah perlu bagi mematuhi undang-undang berkaitan.

### **Pengekalan Data Peribadi**

Apa-apa maklumat peribadi akan disimpan oleh UTM bagi tujuan-tujuan di atas dan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal mengikut polisi UTM apabila maklumat tersebut tidak lagi diperlukan.

### **Dasar Privasi UTM Yang Tegas**

- i. UTM komited dalam memastikan dan sentiasa melindungi kerahsiaan, perlindungan, keselamatan dan ketepatan maklumat peribadi Staf / Pelajar yang telah diberikan kepada UTM dan ia telah menjadi dasar berterusan UTM yang tegas untuk memastikan bahawa maklumat peribadi Staf/ Pelajar adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskini. UTM juga akan memastikan bahawa data peribadi Staf/ Pelajar tidak akan digunakan untuk apa-apa tujuan selain perkhidmatan termasuklah bagi tujuan politik dan komersial.
- ii. Akta Perlindungan Data Peribadi kini adalah bertujuan menjadi Akta yang jelas untuk melindungi dan satu alat untuk memastikan ketelusan dan memberi kesedaran awam tentang pengurusan data peribadi.
- iii. Tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan, data peribadi sensitif hanya boleh disampaikan apabila mendapat persetujuan dari Staf/ Pelajar.

### **Akses, Pembetulan dan Aduan**

Jika Staf/ Pelajar ingin membuat sebarang pertanyaan atau permohonan untuk akses atau pembetulan ke atas data peribadi tersebut, bagi data Staf, staf boleh berhubung dengan Pejabat Pendaftar UTM atau aduan terus ke Pejabat Pendaftar UTM dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari-hari bekerja atau melalui telefon di talian +607 – 553 1188. Manakala untuk data Pelajar, pelajar boleh berhubung dengan Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik atau aduan terus ke pejabat dari jam 8.00 pagi – 5.00 petang pada hari – hari bekerja atau telefon di talian +607-5530337. Sebarang permintaan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi tersebut adalah tertakluk kepada pematuhan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

### **Persetujuan Adalah Penting**

Dengan menghantar atau memberikan data peribadi Staf/ Pelajar kepada UTM, Staf/ Pelajar telah secara fizikal mengizinkan dan bersetuju untuk data peribadi Staf/ Pelajar untuk digunakan selaras dengan terma dan syarat-syarat dalam Notis ini dan polisi UTM yang berkaitan.

### **Penarikan Balik Persetujuan**

- i. Staf/ Pelajar boleh menarik balik persetujuan Staf/ Pelajar pada bila-bila masa dengan menulis kepada Pejabat Pendaftar UTM. Sekiranya perlu, Pejabat Pendaftar UTM mungkin memerlukan maklumat atau pengesahan lanjut.
- ii. Jika Staf/ Pelajar tidak bersetuju atau kemudiannya menarik balik persetujuan Staf/ Pelajar kepada pemprosesan dan penyampaian data peribadi Staf/ Pelajar, Pejabat Pendaftar UTM tidak akan dapat memenuhi tanggungjawab UTM atau menghubungi Staf/ Pelajar atau membantu Staf/ Pelajar berkaitan dengan tujuan-tujuan diatas dan/atau tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan-tujuan diatas.

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa Universiti Teknologi Malaysia dengan budibicara boleh meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada sebarang masa tanpa notis terlebih dahulu dan akan memaklumkan kepada Staf/ Pelajar sebarang pemindahan sebegitu melalui sebaran am termasuk laman web atau emel.